

CNS2436

I! GB 22-30 001.64 BC900

BAH

ORANG MELAYU HARUS UBAH SIKAP, KATA MAHATHIR

Mahathir - Melayu

ALOR SETAR, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa orang Melayu supaya mengubah sikap dan berani mencgur diri sendiri serta membaiki kelemahan sendiri untuk mencapai kemajuan.

Katanya, mereka boleh belajar cara orang lain mencapai kejayaan tetapi yang sukar ialah hendak membetulkan sikap dan diri sendiri agar sesuai dengan cara-carai itu.

Ketika merasmikan Konvensyen UMNO Kedah 1992 di Dewan Datuk Syed Omar di sini hari ini, beliau menggesa UMNO supaya menerokai dan mendahului orang lain dalam soal perubahan sikap.

Katanya, tanpa perubahan sikap, matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju tidak akan tercapai kerana kejayaannya tidak bergantung kepada rancangan kerajaan semata-mata tetapi kepada usaha rakyat yang bersungguh-sungguh untuk mencapai kemajuan.

Beliau berkata, Wawasan 2020 bukan milik beliau seorang kerana beliau yakin cita-cita untuk berjaya dan tidak menjadi bangsa yang dihina tersemat di hati sanubari semua orang. -- Lagi.

▼22/10/21-32MST

CNS2437

UGB 22-10 00123 BC901

BAH

Mahathir - Melayu 2 Alor Setar

Dr Mahathir berkata, adalah tidak salah untuk meniru orang lain yang telah lebih dahulu berjaya kerana cara-carai itu telah terbukti boleh membawa kejayaan.

+Kita tahu cara-cara ini tetapi masalahnya sama ada kita hendak buat atau tidak, katanya.

Katanya, daripada awal-awal lagi kerajaan telah memperkenalkan dasar Pandang Ke Timur untuk meniru kejayaan yang dicapai orang di sebelah Timur.

Sehubungan itu, beliau mahu anggota UMNO supaya, berfikiran luas kerana UMNO mempunyai peranan yang besar untuk menentukan kejayaan bangsa Melayu.

+Kita tidak mahu negara maju tetapi kaum Melayu masih tertinggal di tahap lama. Yang kita mahu Melayu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum lain. -- Lagi.

▼22/10/21-34MST

CNS2438

UGB 22-10 00142 BC902

BAH

Mahathir - Melayu 3 (Akhir) Alor Setar

+Kita ketinggalan selama ini kerana kita menerima budaya yang dibentuk oleh orang yang tak punya cita-cita dan wawasan. Mereka hanya menumpukan kepada perkara-perkara yang tidak boleh memberi kejayaan kepada bangsa kita, katanya.

Beliau berkata, mengejar kejayaan di dunia bukan bermakna melupakan soal ibadat dan kejayaan akhirat kerana ia sebahagian daripada tuntutan untuk mencapai kejayaan di akhirat.

Sebanyak 3,000 anggota UMNO menghadiri konvensyen dua hari itu yang bertema +Keunggulan UMNO Kejayaan Wawasan.+

Yang turut hadir ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman dan Datuk Dr Abdul Hamid Othman serta Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Fenggna, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir. -- Bernama.

▼22/10/21-36MST